

HASiL/2025/01/17 – 06

PEMAKLUMAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN

CAWANGAN PEMBAYAR CUKAI ASING

(FOREIGN TAXPAYER BRANCH)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa Cawangan Pembayar Cukai Asing (CPCA) telah ditubuhkan dan beroperasi di Blok 8, Kompleks Kerajaan Jalan Tuanku Abdul Halim (KKJTAH), Kuala Lumpur mulai **1 Januari 2025**.

CPCA mengambil alih fungsi percukaian berhubung fail pembayar cukai warga asing, tidak bermastautin dan cukai pegangan daripada HASiL Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, HASiL Negeri Wilayah Persekutuan Putrajaya dan HASiL Negeri Selangor.

Penubuhan CPCA ini adalah sebagai komitmen berterusan HASiL untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengendalian operasi percukaian berkaitan pembayar cukai individu warga asing, tidak bermastautin dan cukai pegangan, yang mana CPCA akan turut memberikan tumpuan dalam mengendalikan kes-kes penghibur awam bukan pemastautin, kru luar negara dan pelawat asing.



HASiL_MALAYSIA



HASiLMALAYSIA

Dengan pemusatan pengendalian fail pembayar cukai kategori ini, HASiL boleh merangka strategi yang lebih jitu dan efektif bagi menangani ketirisan cukai dan meningkatkan kutipan cukai. Ini bagi memastikan, pengendalian hal ehwal percukaian bagi pembayar cukai kategori ini dapat diperkemaskan sekali gus meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pembayar cukai.

Sebarang urusan surat-menyurat boleh dimajukan kepada alamat CPCA seperti yang berikut:

Perkara	Keterangan
Alamat	LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA CAWANGAN PEMBAYAR CUKAI ASING TINGKAT 3 HINGGA 9, BLOK 8 KOMPLEKS KERAJAAN JALAN TUANKU ABDUL HALIM 50600 KUALA LUMPUR
No. Telefon Am	03-6209 1000
Kaunter HASiL	TINGKAT 9, BLOK 10 KOMPLEKS KERAJAAN JALAN TUANKU ABDUL HALIM 50600 KUALA LUMPUR <i>Nota: Pembayar cukai boleh mendapatkan khidmat percukaian di Kaunter HASiL, Blok 8A sehingga Kaunter HASiL di Blok 10 tersedia untuk digunakan.</i>

Perkara	Keterangan
Waktu Operasi Kaunter HASiL	<u>Isnin hingga Jumaat</u> 8:00 pagi - 5:00 petang
e-Janji Temu HASiL	<u>Isnin hingga Jumaat</u> 8:00 pagi - 4:40 petang (tertakluk kepada kekosongan slot) Pautan: https://ejanjitemu.hasil.gov.my/

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.



Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi: www.hasil.gov.my

Tarikh: 17 Januari 2025